

# Penggiat seni kaligrafi **kufi**

» **Sambutannya memberangsangkan**  
*apabila keindahan, keunikan serta  
keistimewaan disebarkan menerusi laman sosial*

Oleh Nadia Hamid

nnadia@bharian.com.my

**K**ufi iaitu sekumpulan geometri bersegi berunsurkan kaligrafi tulisan Arab atau ayat suci al-Quran dengan maksud berlainan mengikut lorekan ayat, gelaran, bingkisan nama seseorang, lokasi atau kata hikmah individu terkenal.

Kaligrafi kufi mungkin kurang dikenali namun, keunikannya terbukti memberi sinar kepada seorang rakyat Amerika kelahiran Ventura, California, Mohamed Zakariya memeluk agama Islam.

Kali pertama terpandang kaligrafi Arab di atas sebidang permaidani yang tergantung pada dinding di sebuah kedai permaidani. Kedai itu dimiliki peniaga berbangsa Armenia.

Ia diibaratkan cinta pandang pertama kerana bermula dari situ, timbul minat mendekati dan mendalamai kaligrafi Islam ini menerusi pengembaraan ke negara Islam seluruh dunia seperti Mesir, Algeria dan Turki.

Di masjid tertua di Mesir, Masjid Ibn Tulun berkeluasan 26,318 meter persegi, yang diangkat sebagai masjid ketiga terbesar di dunia juga memperkenalkan elemen seni bina kaligrafi kufi Islam pada binaan masjid sekitar abad ke-9 ini.

Meneroka seni bina masjid yang dibina sekitar 879 Masihi di Mount Yashkur, satu kawasan al-Qata'i (kira-kira dua kilometer dari penempatan lama, Fustat) dengan arahan pengasas Dinasti Tulunid, Mesir (868-905 Tahun Masehi), Ahmad ibn Tulun itu mempersembahkan karya kufi agung.

Di Malaysia sendiri, seni kufi sudah lama bertapak dan dikatakan paling ramai mel-

hirkan pelukis kaligrafi yang gigih memperjuangkan aktiviti seni kaligrafi kufi dalam bentuk moden, unik dan senang diterima masyarakat seperti Abd Shukor Yahya (sekadar menyebut nama).

XY berpeluang menemui penulis dan pelukis kaligrafi kufi muda yang juga graduan pengurusan perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahmad Suhaili Hassan yang menjadikan kufi sebagai mata pencarian utama.

Mendedahkan bahawa penggiat dan peminat kufi sentiasa bertambah dari semasa ke semasa, anak kelahiran Kota Bahru, Kelantan ini berkata tidak sukar menghasilkan karya kaligrafi kufi asalkan ada minat dan tahu mengenal serta mengeja huruf jawi.

“Kebanyakan penulis khat pandai dan tahu menulis kufi namun, agak sukar sebenarnya menemukan penulis yang mampu menghasilkan lakaran kufi ‘baik’.

“Kufi baik bermaksud, menepati empat elemen prinsip asas merangkumi huruf yang senang dikenali dan mudah dibaca, ada kesinambungan urutan, hukum positif negatif (ruang kosong antara huruf) dan datum (kedudukan huruf mengikut arah jam).

“Kufisquare sendiri antara badan penggiat kufi baik menerusi perbincangan kumpulan di internet, sentiasa mengkaji penghayatan dan pengertian kufi, dan memperkenalkan hukum Foks bagi tujuan pemantauan berkala,” ujarnya sambil memperkenalkan kepada penulis beberapa bidang dan skop perniagaan membabitkan kaligrafi kufi.


### Menyerap bakat ayah

Terkenal sebagai pakar kaligrafi kufi Islam dalam dan luar negara, bakat Suhaili dalam



Trio karya kufi, Suhaili, Yusin (tengah) dan Azizul.

Kepelbagaiannya aplikasi muat turun daripada **OSX** dan **Android** memudahkan penghasilan kufi



bidang khat diserap daripada ayahnya, seorang pelopor industri khat Kelantan terkenal iaitu Ustaz Hassan Khat Bunut Payung seawal usia 10 tahun.

Bermula daripada menulis khat, bakat anak muda berusia 32 tahun berkembang dari semasa ke semasa sehingga diberi peluang menyandang jawatan guru khat kepada pelajar junior tatkala umurnya mencecah 17 tahun.

Kepakarannya diteruskan ke peringkat universiti apabila fenomena ‘khat Suhaili’ mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat universiti sehingga digelar fenomena ‘Siti Nurhaliza’ kerana kejayaannya merangkul kejuaraan setiap kali pertandingan.

Kemuncak bakat Suhaili apabila dia digam dan tidak dibenarkan bertanding dalam sebarang pertandingan khat semasa menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) sebaliknya, ditawarkan sebagai juri seni khat Islam ketika itu.

#### Ayat Arab tulisan jawi

“Amnya, orang muda tertarik dengan kaligrafi kufi kerana sudut pandangan kufi seolah-olah mempersempahkan seni reka bentuk berbanding dakwah menggunakan ayat Arab dan tulisan jawi biasa. Tambahan pula kepelbagaiannya aplikasi muat turun daripada OSX dan android semakin memudahkan penghasilan kufi.

“Saya mula membangunkan perniagaan kaligrafi kufi sekitar 2010 menerusi internet bersama isteri, Khassiah Hanapi. Pertama kali

memaparkan kufi dalam laman sosial, FB, maklum balas pertama diterima adalah kenapa tidak jual? Dan berapa harga? Bermula daripada situ, kami meneroka prospek kaligrafi dan mula mengumpul pengikut dan peminat,” katanya mula mempelbagaikan inisiatif produk dalam menarik minat lebih ramai golongan muda mempelajari seni kufi.

Antara produk Karya Kufi yang mendapat sambutan menggalakkan pastinya KufiShirt yang menampilkan reka bentuk grafik kufi menggunakan tulisan Arab seperti *I am Muslim* dan *Sayangi Allah*.

Malah, populariti KufiShirt menyebabkan berlaku plagiatisme secara besar-besaran dan menimbulkan tekanan serta cabaran hebat buat pelopor kufi ini.

“Kami tidak mengambil tindakan undang-undang meskipun boleh melakukannya. Harapan kami semoga plagiatisme (menciplak hasil karya) ini dihentikan kerana dikhawatir mengundang kesilapan tafsiran maksud dan memamerkan kufi yang salah,” katanya.

AMNYA, ORANG MUDA TERTARIK DENGAN KALIGRAFI KUFI KERANA SUDUT PANDANGAN KUFI SEOLAH-OLAH MEMPERSEMBAHKAN SENI REKA BENTUK”

**Ahmad Suhaili**

## Karya Kufi

- ◎ **Perkongsian antara tiga anak muda iaitu Suhaili Hassan (pelopor), Azizul Hakim Zainal (penjenamaan) dan Mohd Yusin Mohd Yatim (pemasaran).**
- ◎ **Ditubuhkan awal 2012**

◎ **Lebih tiga tahun** mengkaji Kufi Square dan mewujudkan laman sosial Facebook, KaryaKufi dengan bilangan lebih 1,000 ahli.

◎ **Gandingan mantap bersama** rockers tempatan, Sham Kamikaze dan Ali XPDC untuk memperkenalkan dan menarik minat golongan muda terhadap tulisan jawi dalam kufi, menerusi penghasilan KufiShirt (baju bercorak kufi)

◎ **Membuka bilik pameran Kufi Shoppe**, berhampiran Warta Bangi. Untuk keterangan lanjut hubungi talian 012-9850890 atau 017-9850890, emel - [kufishoppe@gmail.com](mailto:kufishoppe@gmail.com)

com atau layari laman sesawang [www.kufishoppe.com](http://www.kufishoppe.com).

## PENCAPAIAN

◎ **Tempahan artwork STUDIO FATMI, PARIS membabitkan nama** 22 negara untuk Liga Arab

◎ **Gandingan bersama Theta Edge**, mereka bentuk kufi membabitkan nama 14 negeri di Malaysia pada aksesori beg dan kasut jemaah haji Malaysia, 2010.

◎ **Reka bentuk kufi** untuk penataan program TV seperti Ihya' Ramadhan dan TV Al-Hijrah

◎ **Jemputan sebagai penulis** khas, Kufi Square di Hiba Studio, Gaza

◎ **Pameran World Halal Forum 2011** di KLCC dan Pameran di DDEC, Design Exchange di KLCC, 2011.

◎ **Capture dalam rancangan GEN21**, TV Al Hijrah dan majalah REZEKI.

◎ Pameran Halfest di PWTC bermula 10 hingga 14 Oktober ini.



**Sham Kamikaze** merasmikan pembukaan Kufi Store.



**Kufigift** sebagai hantaran perkahwinan. Pameran World Halal Forum bersama Majalah Rezeki.

